

# Siswazah SMU cemerlang tanpa tekanan

Shayus Shahida Sharif beri yang terbaik  
kerana ingin harumkan nama negara dan bangsa



**CIK SHAYUS:** Muncul sebagai pelajar sains politik terbaik di SMU. – Foto KHALID BABA

PENGAJIAN di menara gading biasanya paling mencahar dalam kehidupan akademik seorang pelajar.

Namun, bagi Cik Shayus Shahida Sharif, pembelajaran beliau di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) paling kurang memberi tekanan sepanjang perjalanan akademiknya sejauh ini.

Pembelajaran tanpa tekanan itulah yang membantu beliau mencapai kecemerlangan, kata Cik Shayus, 23 tahun.

Beliau bukan sahaja meraih ijazah sarjana muda sains kemasyarakatan dengan *cum laude* (serupa kepujian kelas pertama), bahkan menjadi pelajar sains politik terbaik dan menerima anugerah tesis terbaik.

Sebagai pelajar terbaik, beliau dipilih menjadi penyampai ucapan perpisahan, atau 'valedictorian', dalam majlis penyampaian ijazah Sekolah Sains Sosial SMU bulan lalu.

Lulusan Sekolah Menengah Temasek dan Maktab Rendah Meridian itu bersyukur diberi peluang mengikuti mata pelajaran yang diminatinya di SMU, iaitu pengajian sains politik dan pengajian antarabangsa serta Asia.

"Saya percaya jika ada minat dalam sesebuah mata pelajaran, pembelajarannya lebih mudah dan boleh dianggap sebagai mendalam dan memperhalusi ilmu dalam bidang tersebut," ujar Cik Shayus.

Anak bongsu dalam keluarga tiga beradik itu juga berkata beliau tidak menghadapi tekanan daripada ibu bapanya – Encik Sharif Mohamed, 63 tahun, seorang pesara, dan Cik Yustiah Basir, 57 tahun, pengurus di sebuah syarikat penerbangan.

"Mereka memberi kebebasan kepada saya untuk me-

neroka minat saya. Mereka menekankan pendidikan tetapi mereka tidak keras 'menekan' saya untuk belajar dari usia kecil," ujar Cik Shayus lagi.

Menurut beliau, kunci kejayaannya ialah ulang kaji secara kerap dan tekak.

Selain itu, beliau serasi dengan penyampaian kuliah di SMU yang berbentuk seminar dan menggalak pelajar menyertai perbincangan secara aktif dalam kelas.

Beliau membuat persiapan rapi sebelum setiap seminar tiga jam yang diadakan setiap minggu bagi setiap modul yang diambil.

Cik Shayus cuba menggarap dan mengkaji sebanyak mungkin tentang topik yang diberi terlebih dahulu sebelum sesuatu seminar, dan pada masa yang sama menulis nota untuk peperiksaan.

"Saya ini jenis tidak suka membuang masa," ujarnya.

Cik Shayus juga memanfaatkan masa sepenuhnya di SMU. Antara lain, beliau menyertai program pelajar di Jepun dan Amerika Syarikat.

Selain minat mendalam terhadap pengajiannya, beliau didorong hasrat mengharumkan nama negara dan bangsa.

"Apabila saya ke luar negara menyertai program pelajar, misalnya, saya sedar saya bukan mewakili negara sahaja, malah membawa identiti saya sebagai seorang anak Melayu. Oleh sebab itu, saya terdorong memberi yang terbaik selalu," ujar Cik Shayus.

Beliau kini menyambung pengajiannya di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU), dalam pengajian Asia.